

TRANSFORMASI PEMBANGUNAN BAKAT SEKTOR AWAM: **PENGINTEGRASIAN KOMPETENSI, POTENSI DAN PRESTASI**

9-11 JUN 2026
PULAU PINANG

YURAN
RM 3,000

* Yuran termasuk modul program, kit program dan sijil penyertaan





Perkhidmatan awam Malaysia sedang berdepan keperluan untuk memperkukuh keupayaan modal insan bagi menghadapi cabaran transformasi, digitalisasi dan peningkatan prestasi organisasi. Seiring dengan aspirasi dan agenda reformasi sektor awam, pembangunan bakat menjadi tunjang utama kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan, inovatif dan berorientasikan hasil.

Kerangka Dasar Pembangunan Bakat Perkhidmatan Awam menekankan bahawa pembangunan bakat perlu dilaksanakan melalui integrasi tiga komponen utama iaitu kompetensi, potensi dan prestasi. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan pegawai sentiasa berkeupayaan dalam melaksanakan tanggungjawab semasa, tetapi juga berpotensi untuk menggalas peranan kepimpinan masa hadapan.

Kursus ini dirangka untuk memperkukuh pemahaman dan kemahiran peserta dalam melaksanakan penilaian bakat secara sistematik, membangunkan pelan tindakan pembangunan diri dan organisasi, serta menzahirkan budaya kerja berprestasi tinggi yang menyokong hala tuju strategik sektor awam.

■ OBJEKTIF

- Memberi kefahaman menyeluruh mengenai konsep dan struktur Kerangka Dasar Pembangunan Bakat Perkhidmatan Awam.
- Meningkatkan keupayaan peserta dalam melaksanakan penilaian kompetensi, potensi dan prestasi pegawai.
- Mengaplikasikan kaedah analisis jurang bagi menentukan keperluan pembangunan kompetensi dan potensi individu.
- Merangka pelan tindakan pembangunan bakat yang menyokong peningkatan prestasi dan kemajuan kerjaya.
- Mengukuhkan integrasi antara penilaian prestasi dan pembangunan sumber manusia dalam perancangan organisasi.

■ HASIL PEMBELAJARAN (LEARNING OUTCOMES)

- Menjelaskan konsep dan prinsip asas dalam pembangunan bakat sektor awam.
- Mengenal pasti jurang kompetensi dan potensi melalui penggunaan instrumen penilaian yang berstruktur.
- Menilai tahap kompetensi dan prestasi pegawai berdasarkan standard dan indikator tingkah laku.
- Merangka Pelan Tindakan Pembangunan Bakat individu dan organisasi.
- Mengintegrasikan hasil penilaian ke dalam strategi pembangunan sumber manusia dan pengurusan prestasi.

JADUAL PROGRAM

Hari 1 – Asas dan Kerangka Pembangunan Bakat

Tema: Memahami Struktur dan Dinamika Pembangunan Bakat Perkhidmatan Awam

Masa	Aktiviti
8.30 – 9.00 pagi	Pendaftaran & Ucapan Aluan
9.00 – 10.30 pagi	Sesi 1: Pengenalan kepada Kerangka Dasar Pembangunan Bakat Perkhidmatan Awam – Konsep dan Prinsip Utama
10.30-11.00 pagi	Minum pagi
11.00 – 1.00 tghari	Sesi 2: Hubungan antara Bakat Kompeten dan Bakat Berpotensi dalam Ekosistem Perkhidmatan Awam
1.00-2.15 petang	Rehat /makan tghari
2.15 – 3.30 petang	Sesi 3: Komponen Utama: Set Kompetensi, Penilaian Kompetensi dan Pembangunan Kompetensi
3.45 – 5.00 petang	Latihan Interaktif: Kajian kes pelaksanaan penilaian kompetensi di agensi sektor awam

Hari 2 – Analisis Jurang dan Penilaian Bakat

Tema: Menilai Jurang, Mengenal Potensi dan Membangun Kecekapan

Masa	Aktiviti
8.30-10.30 pagi	Sesi 4: Kaedah dan Instrumen Analisis Jurang Kompetensi dan Potensi
10.30-11.00 pagi	Minum pagi
11.00 – 1.00 tghari	Sesi 5: Penilaian Kompetensi dan Penilaian Potensi – Teknik, Kaedah dan Aplikasi
1.00-2.15 petang	Makan tengahari/rehat
2.15 – 3.30 petang	Sesi 6: Penilaian Prestasi dalam Konteks Pembangunan Bakat – Peranan, Implikasi dan Cabaran

Hari 3 – Strategi dan Aplikasi Pembangunan Bakat

Tema: Menterjemah Penilaian kepada Pelan Tindakan Pembangunan Bakat

Masa	Aktiviti
8.30-10.30 pagi	Sesi 7: Strategi pembangunan potensi dan kompetensi individu – dari jurang ke pelan tindakan
10.30-11.00 pagi	Sesi 8: Pautan antara pembangunan bakat dan kemajuan kerjaya dalam sektor awam
11.00 – 1.00 tghari	Makan tengahari/rehat
1.00-2.15 petang	Sesi 9: Merangka Pelan Tindakan Pembangunan Bakat (Talent Development Action Plan)
2.15 – 3.30 petang	Pembentangan Kumpulan: Pelan pembangunan bakat organisasi masing-masing
3.45 – 5.00 petang	Refleksi Pembelajaran Penutup dan Penyampaian sijil penyertaan

PENDEKATAN PEMBELAJARAN

Program ini menggunakan gabungan kaedah ceramah, perbincangan kumpulan kajian kes dan simulasi sistem.

KUMPULAN SASARAN

Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional daripada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat dalam pengurusan sumber manusia, latihan, pembangunan bakat, dan prestasi organisasi.

PEMUDAH CARA



Dato' Dr. Musa Ali ialah Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif, MTalent Training & Consultancy Services Sdn. Bhd. serta konsultan di USAINS Group of Companies. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pendaftar USM (2018- 2023) dan Pengasas serta Pengarah Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PiPPA) (sejak 2012). Beliau telah berjaya membangunkan rangkaian antarabangsa

yang membolehkan beliau bekerja dengan pakar pengurusan dan pengamal di peringkat antarabangsa terutamanya dalam bidang kepakarannya, pengurusan prestasi organisasi dan individu. Mendapat pendidikan di peringkat ijazah pertama dan sarjana di Universiti Sains Malaysia dan Doctor of Human Resource Management dari Murdoch University, Australia. Semasa di Australia beliau juga bertugas sebagai perunding sumber manusia di sebuah jabatan kerajaan tempatan di Australia dan terlibat dalam membangunkan kerangka kompetensi untuk jabatan berkenaan. Beliau adalah 'certified facilitator' untuk Benchmarks®, SKILLSCOPE®, Prospector®, 360 BY DESIGN®, Executive Dimension® dan KEYS® dari Center for Creative Leadership, Amerika Syarikat. Bukunya iaitu "Transformasi Pengurusan Latihan Sektor Awam" telah dilancarkan oleh Menteri Pengajian Tinggi pada tahun 2008. Pada tahun 2015 beliau menghasilkan buku "Transformasi Organisasi : Konsep dan Teknik Pelaksanaan" dan buku itu yang telah diulang cetak empat kali kemudiannya telah diterjemahkan ke dalam tiga bahasa lain iaitu bahasa Inggeris (2016), bahasa Arab (2020) dan bahasa Jepun (2021). Pada tahun 2022, beliau telah menghasilkan buku autobiografinya berjudul "Sirap Limau Ais: Memoir Seorang Pentadbir" yang dilancarkan pada 28 Mac 2022. Di samping itu, beliau juga telah berjaya membangunkan beberapa aplikasi sumber manusia antaranya myCPD (dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada tahun 2008), mytalent (sistem pelan penggantian), myworkprofiling dan myHR yang kini digunakan oleh pelbagai agensi. Beliau juga adalah Felo Budi, Universiti Sains Islam Malaysia serta pernah dilantik sebagai Adjunct Professor di DRB-HICOM University Of Automotive Malaysia, Visiting Fellow di Faculty of Business & Public Management, University of Palermo (Itali), Advisory Panel for Institute of Local Government (UUM), Panel Pemilih Anugerah Inovasi Perdana Menteri dan Panel Penilai Indeks SSR (MAMPU). Atas sumbangannya, beliau menerima pelbagai anugerah antaranya terpilih sebagai penerima Anugerah Khas oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) sempena sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan pada 1 Mei 2022, penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah USM 2022 dan penerima Top Performers Award Usains Holdings 2023 dan 2024. Beliau juga aktif menulis mengenai sektor awam di media tempatan serta sering dijemput oleh stesen televisyen tempatan sebagai panelis untuk program berkaitan pembaharuan dalam sektor awam. Beliau terlibat mengendalikan latihan dan mengetuai projek-projek perundingan dalam bidang pengurusan pelan strategik, pengurusan prestasi dan pengurusan sumber manusia untuk pelbagai jabatan kerajaan termasuk GLCs.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 11 Mei 2025



Dato' Dr. Adnan Hussein kini ialah panel pakar (kepimpinan strategik dan profiling) di MTalent Training and Consultancy Sdn Bhd. Beliau adalah mantan Timbalan Naib Canselor (HEPA), Universiti Sains Malaysia disamping pernah menjawat pelbagai jawatan lain seperti Dekan Pusat Pengajian Komunikasi, Pengerusi Seksyen Kewartawanan, Timbalan Dekan

(Pembangunan Akademik dan Pelajar), dan Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Pascasiswazah) di Sekolah Komunikasi, USM. Beliau menerima ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.) dari University of Utah, M.Sc. degree dalam bidang Journalism and Mass Communication dari Iowa State University dan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Antropologi dan Sosiologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah berjaya menyelia dan menamatkan pengajian 10 pelajar Doktor Falsafah dan lebih 30 pelajar sarjana. Minat penyelidikannya adalah mengenai komunikasi alam sekitar dan media baharu. Beliau telah dijemput untuk menyampaikan ucap tawar di pelbagai persidangan antarabangsa dan memberikan kuliah umum di beberapa universiti di Indonesia. Beliau telah mengajar Teori Komunikasi Lanjutan, Kaedah Penyelidikan Komunikasi Kualitatif, Teori dan Penyelidikan Komunikasi, Seminar Kewartawanan Alam Sekitar, Fotojurnalisme dan Penerbitan Desktop. Dari tahun 2011-2019, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni, Universiti Sains Malaysia. Beliau memperkenalkan program HEBAT (Keusahawanan Holistik, Pemikiran Seimbang dan Artikulasi) kepada graduan USM yang dipertingkatkan. Pada tahun 2019 - 2022, beliau telah dilantik sebagai Ketua Kluster Kepimpinan yang bertanggungjawab terhadap program latihan untuk melatih dan membentuk bakal pemimpin USM. Beliau telah berjaya mereka bentuk dan melaksanakan program Pembangunan Apex PEARL (Peningkatan Profesional Kepimpinan Akademik dan Penyelidikan). Walaupun beliau telah bersara sepenuhnya sebagai ahli akademik sepenuh masa, beliau telah dijemput untuk memberi kuliah dan ceramah di pelbagai universiti tempatan. Kini beliau berkhidmat sebagai Setiausaha, Anggota Lembaga Koperasi, Koperasi Impian Warisan Berhad dan telah dilantik sebagai ahli Lembaga Penasihat, Akademi Kepimpinan Tun Perak (AKTP).

MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:

MTalent Training & Consultancy Services Sdn Bhd

Suite 160, Level 1, Eureka Complex,
Universiti Sains Malaysia,
11800 Pulau Pinang



admin@mtalent.com.my



+604-653 4196



+6018-767 8160



<https://mtalent.com.my>

* MTalent™ berhak untuk meminda tarikh, masa, tempat, yuran, serta membatalkan program tawaran tanpa sebarang makluman terlebih dahulu.

* MTalent™ reserves the right to amend the date, time, place, fee, or cancel the programs offered without prior notice.